

04 FEB 2001

Koh-Perpaduan

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA BUKTIKAN KEUTUHAN PERPADUAN, KATA KOH

PULAU PINANG, 4 Feb (Bernama) -- Sambutan Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan yang berlangsung di sini sebenarnya telah membuktikan keutuhan perpaduan kaum di negara ini masih kukuh.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, sambutan itu jelas memperlihatkan bahawa perayaan Tahun Baru Cina sebenarnya turut diraikan oleh masyarakat dari pelbagai kaum di negara ini apabila ia diisytiharkan sebagai salah satu acara rasmi peringkat kebangsaan.

"Bertambah bermakna lagi apabila kerajaan pusat telah memilih Pulau Pinang sebagai tuan rumah untuk majlis yang pertama kali dianjurkan itu dan kawasan majlis ini berlangsung ialah di sebuah jalan yang penuh bersejarah bagi ketiga-tiga kaum utama di negara ini iaitu kaum Melayu, Cina dan India", kata beliau.

Ketika merasmikan Majlis Perayaan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan itu di sini hari ini, beliau berkata, kawasan Lebuh Armanien/Lebuh Cannon itu merupakan kawasan istimewa kerana di situ terdapat sebuah masjid tertua di negeri ini, selain sebuah tokong Cina, juga yang tertua dan Kuil Hindu utama.

Beliau berkata, kedudukan rumah ibadat pelbagai penganut agama yang berdekatan menjelaskan kepada masyarakat dunia bahawa Malaysia mempunyai masyarakat yang unik kerana mampu hidup dalam suasana yang harmonis walaupun mempunyai perbezaan agama dan budaya.

Beliau menggesa semua rakyat dari pelbagai kaum agar terus memelihara perpaduan yang telah dikecapi sejak zaman berzaman itu.

Majlis secara "Street Party" sebagai menyambut Tahun Baru Cina itu akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beribu-ribu pelancong luar negeri.

Majlis itu akan dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan pelbagai kaum dan tarian singa.

-- BERNAMA

AZE ZB